

**PEMBANGUNAN KAWASAN BERSEJARAH
DI MERLIMAU SEBAGAI ZON PELANCONGAN**

Oleh

NORHAYATI BINTI JALIL

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi Mara
Shah Alam**

APRIL 2001

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNYA kajian akhir ini dapat disiapkan walau pun pelbagai cabaran dan dugaan ditempuhi. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penghasilan kajian akhir ini. Ucapan ini ditujukan khas buat penyelia kajian akhir, Puan Hjh. Salehaton Bt Hj. Hussein Sazally yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, dorongan dan semangat dari peringkat awal kajian hinggalah ke peringkat akhir. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah dan juga keluarga yang senantiasa memberi sokongan dan semangat untuk melihat kajian akhir ini berjaya disiapkan dengan sempurna.

Tidak lupa juga kepada pihak Perbadanan Muzium Melaka, Jabatan Muzium dan Antikuiti Wilayah Selatan, Majlis Daerah Jasin dan Unit Promosi Pelancongan Negeri Melaka (UPEN) yang telah banyak memberikan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini dan juga kepada teman-teman yang telah memberikan bantuan dan sokongan. Tanpa bantuan dan sokongan dari semua pihak, tentu kajian ini sukar untuk disempurnakan dengan jayanya. Terima kasih sekali lagi.

ABSTRAK

Kajian ini disediakan untuk mengenalpasti keistimewaan dan kepentingan monumen, bangunan lama dan kawasan bersejarah yang terdapat di kawasan kajian untuk tujuan pemeliharaan dan pengekalan dan secara tidak langsung menjadikan kawasan kajian sebagai kawasan bersejarah bagi negeri Melaka dan seterusnya menjadi salah satu destinasi pelancongan di negeri Melaka. Untuk mencapai matlamat ini, satu kajiselidik yang meliputi pengamatan dan soal selidik telah dilakukan di mana pengamatan dilakukan terhadap monumen, bangunan lama dan kawasan bersejarah. Manakala soal selidik pula dilakukan terhadap pelancong dan agensi-agensi yang terlibat dengan usaha pemeliharaan dan pengekalan monumen, bangunan lama dan kawasan bersejarah yang terdapat di kawasan kajian. Kepentingan monumen lama dan kawasan bersejarah diukur dari sudut kepentingan sejarah dan sejauh mana tahap pemeliharaan dilakukan terhadap aset-aset berharga ini. Manakala bagi bangunan lama pula, ia diukur dari aspek usia, kepentingan senibina, nilai tarikan terhadap bangunan tersebut serta usaha-usaha pemeliharaan yang dilakukan terhadap bangunan-bangunan lama ini. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sejauh mana elemen-elemen bersejarah di kawasan ini dieksploitasikan sebagai satu warisan yang harus dipelihara dan dikekalkan serta mengenalpasti kemampuan elemen-elemen tersebut untuk menarik kedatangan pelancong. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengenalpasti fungsi setiap monumen, bangunan lama dan kawasan bersejarah pada masa dahulu hinggalah kini. Peninggalan warisan sejarah yang terdapat di kawasan kajian mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan salah satu daripada sumber pelancongan di negara ini, tetapi malangnya tiada pihak yang berusaha untuk memajukan kawasan ini. Sekiranya semua pihak bersama mengembeling tenaga dan bersatu untuk memelihara setiap warisan sejarah yang terdapat di kawasan Merlimau, sudah pasti peninggalan sejarah yang terdapat di kawasan ini akan terus terpelihara dan menjadi satu daya tarikan kepada setiap lapisan masyarakat.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	iv
Senarai Rajah	v
Senarai Foto	vi
Senarai Lampiran	vii
Senarai Singkatan Kata	viii

KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	m/s
1.0	Pengenalan	1
1.1	Kenyataan Masalah	3
1.2	Tujuan dan Objektif Kajian	5
1.3	Skop Kajian	6
1.4	Kaedah Kajian	8
1.5	Peringkat Kajian	10
BAB 2	KAJIAN ILMIAH DAN KAWASAN KAJIAN	
2.0	Pengenalan	11
2.1	Kajian Ilmiah	
2.1.1	Definisi	
	1. Monumen	13
	ii. Bangunan Lama	14
	iii. Kawasan Bersejarah	14

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sejarah merupakan satu keunikan yang mempunyai nilai yang amat berharga di mana ia harus dipelihara dan dikekalkan tambahan pula melalui sejarah juga, ia dapat mencerminkan identiti sebenar sesebuah negara atau diri individu itu sendiri. Oleh itu, kawasan yang mempunyai nilai-nilai tinggalan sejarah perlulah dipelihara agar ia tidak lenyap dengan arus kemodenan. Sejarah bukanlah sesuatu yang boleh direka tetapi sejarah ini lahir akibat daripada sesuatu peristiwa.

Bahan-bahan tinggalan sejarah juga merupakan satu daripada warisan budaya yang seharusnya dipandang tinggi bukan sahaja sebagai nilai komersial tetapi melambangkan budaya sebenar masyarakat. Seperti yang terkandung di dalam Akta Benda Purba 1976 (Akta 168) serta Enakmen Pemeliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka 1988, ia mendefinisikan bahawa kawasan bersejarah ini meliputi benda- benda purba, benda sejarah, fabrik, bangunan, bahan tenunan, karya seni dan ciri-ciri yang mempunyai kepentingan dan keistimewaan senibina, estetika, sejarah, kebudayaan dan lain-lain. Lantaran itu di dalam proses membangunkan kawasan ini, beberapa aspek perkara perlu digabungkan agar kombinasi tersebut mampu untuk menjadikan sesuatu kawasan itu lebih berkembang maju tanpa